



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

TINGKAT 4, BLOK A & B, WISMA NEGERI, NO. BEG BERKUNCI 39,
JALAN DATO' ABDUL KADIR,
70990 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.
www.ns.gov.my/ptgns

Pentadbiran : 06-765 9826/9831
Pembangunan : 06-765 9823/9835
Hasil : 06-765 9949/9756

Pendaftaran (Urusniaga/Bukan Urusniaga) : 06-765 9842/9843
Pendaftaran (Hak Milik Strata) : 06-765 9839/9793
Faks (Pengarrah) : 06-762 2563
Faks (Pendaftaran Hak Milik Strata) : 06-767 4369
Faks (Pendaftaran Urusniaga/Bukan Urusniaga) : 06-765 9048

Ruj. Kami : Bil.(4) dlm PHNS 8/2/459 Jld. 32
Tarikh : 20 Januari 2021

Badan Peguam Malaysia

No 13, 15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Negeri Sembilan

Magistrate's Square,
No. 3, Jalan S2 D38,
Seremban 2,
70300 Seremban,
Negeri Sembilan

Ketua Pengarah

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

Aras 4, Podium 1,
Wisma Sumber Asli,
No.25, Persiaran Perdana,
62574 Putrajaya

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN URUSAN BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI
NEGERI SEMBILAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas

2. Susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa daripada 19 Januari hingga 4 Februari 2021 dan aktiviti rentas negeri tidak dibenarkan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan (PTGNS) turut mengambil tindakan pencegahan bertujuan memutuskan rangkaian penularan Covid-19 akibat dari aktiviti merentas negeri. Selaras dengan ini, PTGNS akan menguatkuasakan beberapa perkara bagi urusan-urusan yang berkaitan sepanjang tempoh tersebut:-

- i) Semua perserahan urusniaga yang dikenakan denda berikutan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan ini akan diberikan pengecualian denda dan lanjut masa untuk membuat perserahan sehingga satu (1) bulan daripada tarikh akhir yang sepatutnya. Perserahan yang tertakluk kepada denda sebelum Perintah Kawalan Pergerakan ini dikeluarkan, tidak termasuk di dalam pengecualian ini;
- ii) Surat Kebenaran Pindahmilik/Gadaian/Pajakan yang tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan diberi lanjutan masa selama satu (1) bulan daripada tarikh tamat tempoh surat tersebut; dan

- iii) Semua siasatan hakmilik hilang/rosak yang telah ditetapkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ditangguhkan dan pejabat ini akan mengeluarkan surat baharu setelah Perintah Kawalan Pergerakan tamat.
- iv) Bagi urusan-urusan yang melibatkan kelulusan dan pertimbangan pegawai, bolehlah dilaksanakan selepas tamat tempoh PKP.

3. Berikut adalah maklumat perhubungan pegawai Bahagian Pendaftaran sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

Bil	Nama	Bidang Kuasa	Emel
1.	Encik Mohd Alfian Bin Alwi	Denda Lewat dan lain-lain	mohd.alfian@ns.gov.my
2.	Puan Siti Shafura Binti Zamani	Perserahan urusanniaga dan bukan urusanniaga (Tanah)	shafura@ns.gov.my
3	Puan Maria binti Mohd Said	Perserahan urusanniaga dan bukan urusanniaga (Strata)	maria.said@ns.gov.my
4	Puan Intan Adila Binti Adam	Permohonan hakmilik hilang/rosak dan pendaftaran hakmilik	adila@ns.gov.my

4. Sebarang maklumat lanjut boleh melayari www.ptgns.gov.my dan sebarang perubahan dan informasi terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSIH.MUAFAKAT.SEJAHTERA”

Saya Yang Menjalankan Amanah,


(DATUK HJ ZULKIFLI BIN HJ BAHARAN)
 Pengarah Tanah dan Galian
 Negeri Sembilan Darul Khusus